

UMEXPERT DAN PENGURUSAN PENERBITAN

Koh Ai Peng

Perpustakaan Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
kohai@um.edu.my

* Kertas ini telah dibentangkan di *Seminar Kepustakawanan 2014*, 25-26 September 2014, Kuching, Sarawak.

ABSTRAK

UMExpert merupakan sistem sehenti Universiti Malaya (UM) yang merangkumi segala maklumat penyelidikan dan profil para akademik. Objektif utama penubuhan UMExpert membolehkan maklumat berkenaan mudah diakses dan dijana dalam format mengikut keperluan pelbagai pihak. Ia juga meningkatkan visibiliti dan imej penyelidikan dan penerbitan UM secara global. Sejak penarafan universiti tempatan dan antarabangsa dipandang berat oleh kerajaan dan masyarakat Malaysia, penerbitan yang diambil kira sebagai salah satu kriteria penarafan turut diberi perhatian yang berat. Perpustakaan UM sebagai pusat menjana laporan penerbitan UM untuk semua penerbitan yang diindeks dalam ISI dan Scopus memainkan peranan yang penting. Kertas kerja ini bertujuan untuk berkongsi peranan baru dan pengalaman Perpustakaan UM dalam mengurus dan memantau prestasi penerbitan universiti.

Kata kunci: UMExpert; Sistem Maklumat Penyelidikan, Pengurusan Data; Produktiviti Penyelidikan; Kolaborasi Perpustakaan Universiti

ABSTRACT

UMExpert is a one-stop system of the University of Malaya (UM) comprising of research information and academic profile. The main objective of the establishment of UMExpert is to enable easy access and to generate reports in various formats. It helps to increase the research and publication visibility and image of UM globally. Since university ranking, both local and international are taken seriously by the Malaysian government and the public, publication counts are vital as it is one of the criteria for rankings. The UM Library plays an important role by being the centre for generating reports for UM publications indexed in ISI and Scopus. This paper aims to share new role and experience of UM Library in managing and monitoring the performance of university publications.

Keywords: UMExpert; Research information system; Data management; Research productivity; University library collaboration

Koh Ai Peng

PENGENALAN

Pendidikan adalah tulang punggung sesebuah negara dan universiti merupakan pusat pendidikan tinggi yang disanjung tinggi oleh masyarakat. Matlamat kerajaan untuk menjadi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa mempergiatkan lagi peranan universiti di Malaysia. Bidang pendidikan merupakan satu industri yang melibatkan dana pelaburan yang tinggi serta menguntungkan. Ini membawa kepada persaingan antara institusi pendidikan yang semakin meningkat demi mencapai prestasi cemerlang bagi menarik pelaburan, sumbangan serta pendaftaran pelajar cemerlang. Universiti perlu berdaya saing dan sentiasa berkembang maju dalam pelbagai aspek untuk mempertahankan kedudukannya. Di samping perkembangan universiti, perpustakaan universiti yang ditubuhkan untuk menyokong misi dan visi universiti perlu turut berubah sejajar dengan pembangunan semasa.

PENARAFAN UNIVERSITI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN GLOBAL

Penarafan universiti merupakan satu tren yang dikejar oleh kebanyakan universiti di seluruh dunia untuk membuktikan kelebihan dan kehebatan universiti dalam arena pendidikan tinggi. Ramai orang mungkin pertikaikan penarafan sebegini sebagai *bias* dan tidak menggambarkan prestasi universiti secara menyeluruh. Akan tetapi, penarafan universiti oleh pihak ketiga atau luaran merupakan tren peringkat global yang tidak dapat dipandang ringan, diketepi dan diabaikan. Ia menjadi salah satu petunjuk dan perujuk ibu bapa dan calon dalam pemilihan universiti dan penanda-aras prestasi sesuatu universiti. Penilaian luaran dianggap lebih adil dan objektif dengan kriteria yang telus serta fakta yang boleh dirujuk. Penarafan sebegini berlaku di pelbagai peringkat, samada peringkat kebangsaan atau antarabangsa dengan objektif dan pendekatan yang berbeza.

Universiti Malaya (UM) sebagai salah sebuah universiti penyelidikan terpilih, perlu mencapai pelbagai kriteria untuk terus mempertahankan kedudukan taraf universiti penyelidikan supaya pembiayaan kewangan tambahan akan disalurkan oleh Kementerian Pendidikan. Di samping itu, UM sebagai universiti yang tertua dan berprestij di Malaysia tidak dapat dielakkan daripada tumpuan serta pemerhatian pihak kerajaan serta masyarakat Malaysia. Bahkan salah satu KPI UM ialah mencapai kecemerlangan dengan dianugerah sebagai salah satu universiti pada tangga ke-100 terbaik di dunia pada 2015.

Penarafan universiti tempatan seperti Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA), Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MYRA) dan penarafan universiti antarabangsa, contohnya *QS World University*

UMExpert dan pengurusan penerbitan

Rankings, Times Higher Education World University Rankings serta *Academic Ranking of World Universities (ARWU)* masing-masing mengambil kira penerbitan berindeks sebagai salah satu output penyelidikan yang penting. Penerbitan berindeks di sini merujuk kepada penerbitan yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks terutamanya dalam *ISI* dan *Scopus*. Justeru itu, pengurusan dan pemantauan prestasi penerbitan dengan tepat, menyeluruh dan terkini menjadi kritikal. Pihak Perpustakaan UM telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan tugas dan peranan ini.

PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT SEHENTI UMEXPERT

Pengenalan

Aplikasi UMExpert merupakan sistem yang dibangunkan secara dalaman oleh staf Pusat Teknologi Maklumat untuk mengurus maklumat staf akademik UM. Ianya dibangunkan oleh Bahagian Aplikasi Kolaboratif dan Komunikasi di bawah *Workflow Management Section (UMExpert, RMIS)*. Pembangunannya bagi memperkenalkan dan mempromosi hasil kerja penyelidikan mereka dan secara tidak langsung dapat mempromosi UM sebagai universiti penyelidikan.

Aplikasi ini mula diperkenalkan pada akhir bulan April 2007 bagi memudahkan dan menyelesaikan beberapa isu berkaitan dengan kemaskini *curriculum vitae* (CV) staf akademik di laman sesawang UM. Pengguna aplikasi ini terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- a. Pengguna *internal* yang terdiri dikalangan staf akademik Universiti Malaya sahaja untuk mengemaskini maklumat seperti CV, penerbitan dan penyelidikan.
- b. Pengguna *external (public)* di mana pengguna laman sesawang boleh melihat dan membuat carian maklumat kepakaran staf akademik yang terdapat di Universiti Malaya

Objektif


Objektif pembangunan dan pengimplementasian aplikasi UMExpert adalah untuk:

- a. membantu pengurusan Universiti mendapatkan maklumat staf akademik dengan tepat
- b. membantu mempercepatkan dan memudahkan penjaan maklumat universiti penyelidikan kerana mengandungi pangkalan data lengkap bagi staf akademik
- c. membolehkan paparan CV staf akademik secara *real-time* dan juga dapat dipautkan ke laman sesawang UM
- d. memudahkan staf akademik UM mengemaskini maklumat penerbitan, penyelidikan dan pelbagai aktiviti secara *online*.

Koh Ai Peng

Modul-Modul Dalam UMExpert

Pembangunan UMExpert oleh PTM telah membawa kejayaan kepada pusat tersebut dengan memenangi Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2009 bagi kategori Sumbangan Idea Paling Inovatif. UMExpert merangkumi pelbagai modul seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Fungsi-fungsi dalam UMExpert

INTEGRASI PERPUSTAKAAN DALAM SISTEM MAKLUMAT SEHENTI

Pengurusan dan Pemantauan Data Penerbitan

Perpustakaan UM telah menubuhkan Bahagian Perkhidmatan Akademik pada awal 2008 dan antara tugas utamanya adalah pengurusan dan pemantauan data penerbitan universiti. Kerjasama antara Perpustakaan dengan PTM bermula sejak itu. PTM bekerjasama rapat dengan Perpustakaan bagi membangunkan sub-sistem khusus di bawah UMExpert untuk membolehkan Perpustakaan memuatnaik semua data penerbitan UM yang telah diindeks dalam *ISI* dan

Scopus. Data penerbitan yang dimuatnaik ke UMLExpert boleh digunakan untuk menjana statistik. Ia juga membolehkan staf akademik untuk mengemaskini CV serta tuntutan insentif penerbitan dalam *Web of Science* (WoS) secara dalam talian.

Pengumpulan dan Penganalisaan Maklumat Penerbitan

Kerja pengumpulan data bermula dengan memuat turun penerbitan yang beralamatkan UM dari pangkalan data *Web of Science* dan *Scopus* setiap minggu ke perisian EndNote. Data seterusnya dieksport mengikut format yang dikenalpasti ke Excel (Rajah 2) untuk dianalisis secara manual. Pelbagai maklumat diekstrak bagi keperluan pemantauan dan perancangan Universiti. Maklumat terperinci penerbitan antaranya merangkumi:

- a. faktor impak jurnal
- b. subjek jurnal
- c. Tahap jurnal merujuk JCR (tier of the journal)
- d. pusat tanggungjawab yang terlibat *
- e. institusi pengarang utama
- f. kolaborasi *
- g. jumlah bilangan pengarang bersama
- h. bilangan pengarang UM
- i. keantarabangsaan
- j. mengenalpasti pengarang UM *
- k. tajuk penerbitan, tajuk jurnal, mukasurat penerbitan *

* merujuk kepada komponen yang diperlukan berdasarkan keperluan MYRAII

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S		
	Author(s)	APA Style	Doc	Title	Doi	Source, vol, pg	Vol, pg	Source	IF	Subject (Tier)	Ti	% of	A	Ist	Corr	Σ A	PTJ	Cc	In	Affil.	
1	Oon, S. M.	(2013)	Article	Note on the Low	doi: 10.115/Abstract and Applied Art. No: 21	Abstract and Applied	13	Abstract and Applied	1.102	1MATHEMATICS (Q1)	Q1	10.16%	1	UM	UM	1	Sc(1)	N	L	Univ Malaysia, inst N	
3	Ibrahim, R. W.	Ibrahim, R. W.	(2013)	Article	Stability and Ste	doi: 10.115/Abstract and Applied	13	Abstract and Applied	1.102	1MATHEMATICS (Q1)	Q1	10.16%	1	UM	UM	1	Sc(1)	N	L	Univ Malaysia, inst N	
4	Ibrahim, R. W.	Ibrahim, R. W.	(2013)	Article	Time-Space Frac	doi: 10.115/Abstract and Applied	13	Abstract and Applied	1.102	1MATHEMATICS (Q1)	Q1	10.16%	1	UM	UM	2	FCST(1)	N	L	Ibrahim, Rabha W	
5	Idris, R., Siri, Z., & Idris, R., Siri, Z.	(2013)	Article	On a Five-Dimer	doi: 10.115/Abstract and Applied	10	Abstract and Applied	1.102	1MATHEMATICS (Q1)	Q1	10.16%	1	UMT	UMT	3	Sc(1)	Y	L	[Idris, R.] Univ Mali		
6	Suaidan, W., & Hi, Suaidan, W.	(2013)	Article	Feedback Contr	doi: 10.115/Abstract and Applied	8	Abstract and Applied	1.102	1MATHEMATICS (Q1)	Q1	10.16%	1	UM	UM	2	Sc(2)	N	L	[Suaidan, Waleeda		
7	Soltani, M., Mogh Soltani, M., Mogh	(2013)	Article	Analysis of de	doi: 10.101/Accident Analysis an	59	240-21	Accident Analysis an	1.964	1ERGONOMICS (Q1)	Q1	6.25%	1	UM	UM	4	Engn(4)	N	L	[Soltani, Mehrtash,	
8	Din, N. B. C., Otsur Din, N. B. C., Otsu	(2013)	Article	REPRODUCTIBIL	doi: Acoustics Australia, +41(3), 207	Acoustics Australia	15	Acoustics Australia	0.303	1ACOUSTICS (Q4)	Q4	0.00%	0	UM	UM	5	FB(1)	Y	I	[Din, Nasli Bin Che]	
9	Zonouzi, A., Hosse Zonouzi, A., Hosse	(2013)	Article	Novel Approach	doi: 10.102/Acs Combinatorial Sc	15	240	Acs Combinatorial S	3.636	11CHEMISTRY; APPLI	Q1	5.63%	1	Univ Te Univ Tel	5	Sc(1)	Y	I	[Zonouzi, Afsaneh; I		
10	Ahmed, A. B. A., Ra Ahmed, A. B. A., Re	(2013)	Article	HPTLC/HPLC and	doi: 10.155/Acta Chromatographi	25	21	339	Acta Chromatographi	0.644	1CHEMISTRY; ANALYT	Q4	0.00%	0	UM	UM	4	Sc(2)	Y	I	[Ahmed, A. B. A.; Rai

Rajah 2: Analisis penerbitan dalam Excel

Penjanaan Laporan Penerbitan

Laporan bulanan dijana berdasarkan maklumat yang dikemaskini secara berkala. Ia disalurkan kepada pengurusan tertinggi Universiti dan seterusnya diumumkan

Koh Ai Peng

untuk pengetahuan seluruh warga kampus menerusi emel kampus (UMinfo). Dalam laporan berkenaan, perbandingan prestasi universiti penyelidikan dan universiti terpilih Asean untuk sepuluh tahun kebelakang juga disertakan. Prestasi mengikut fakulti disenaraikan untuk pemantauan prestasi oleh pihak pengurusan Universiti dan dekan fakulti berkenaan. Penerbitan berindeks merupakan salah satu "Petunjuk Prestasi Utama" (KPI) tahunan setiap fakulti dan para akademik serta penyelidik pada pelbagai peringkat

Data penerbitan yang dimuat turun dalam EndNote akan dimuat naik ke *Research Management Information System (RMIS)* (Rajah 3) yang terkandung dalam UMEExpert untuk diakses oleh semua staf akademik yang mempunyai akaun UMEExpert. Staf akademik dapat mengemaskini CV mereka berkenaan penerbitan dengan merujuk senarai yang dimuatnaik oleh Perpustakaan (Rajah 4) sekiranya penerbitan tersebut sudah diindeks dalam ISI dan Scopus.



Rajah 3: *Research Management Information System (RMIS)*



Rajah 4: Laman login UMEExpert bagi pensyarah

Integrasi Data Penerbitan Dengan UMEExpert

Selain dari data penerbitan yang dimuat naik oleh Perpustakaan, para akademik boleh memuat naik penerbitan dan maklumat profil ke dalam akaun UMEExpert

UMExpert dan pengurusan penerbitan

sendiri. Aplikasi UMExpert membolehkan semua maklumat staf akademik dikumpul dan diintegrasikan. Pembangunan maklumat sehenti membantu pihak berkenaan dalam universiti untuk menjana laporan berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa dengan tepat dan kadar segera. Ini dapat membantu meningkatkan imej dan visibiliti universiti. Peningkatan visibiliti kepakaran dan penerbitan para akademik secara langsung menyumbang kepada potensi kolaborasi samada pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Tambahan pula, peningkatan visibiliti penerbitan dapat meningkatkan sitasi (*citations*) penerbitan staf akademik, di mana ia merupakan salah satu kriteria penilaian dalam penarafan universiti.

Selain dari diakses oleh staf akademik untuk tujuan kemaskini CV mereka, data penerbitan yang dimuat naik juga digunakan sebagai asas bagi tuntutan dan pembayaran insentif *Web of Science* secara dalam talian. Tuntutan dibuat menerusi UMExpert oleh para akademik yang terlibat, ditentusahkan oleh pegawai Institut Pengurusan dan Pemantauan Penyelidikan (IPPP), lalu disalurkan ke Bendahari untuk pembayaran terus ke dalam akaun staf masing-masing (http://umexpert.um.edu.my/manual/WSI_USER_GUIDE_2013.pdf).

WSI USER GUIDE

HOW TO MAKE YOUR CLAIMS?

Authors will only need to complete Step 1, 2, 3 & 4.

Step 1: Search for Article

Login into **UMExpert** System and click on **WoS Incentives** Module.

Choose **Year Tab** (by default it would be in previous year Publication)

Key in '**Article Title**' or '**Journal Name**' or '**Author**' in the search box, then click 'Search'.

ISI CITED FOR 2012 | ISI CITED FOR 2011 | ISI CITED FOR 2010 | ISI CITED FOR 2009 | ISI CITED FOR 2008

Publication Title/Journal/Author: Shamsudin Search

Do not enter full article title/journal. Use only keywords (minimum 3 characters).

Please Read: **TERMS AND CONDITIONS FOR PAYMENT OF INCENTIVES**
User Guide: [Click here](#)

If the publication appear in the WoS Incentives list does not belong to you, please click to remove the publication. If not, it will delay the process of claim.

No	Publication Title and Journal Name	Author	Full Author Name (Status Claim)	Amount (RM)
No Record				

Page : 1

Key in keyword (example using Author name 'Shamsudin') and click Search

Rajah 5: Tuntutan insentif

PENGLIBATAN PERPUSTAKAAN DALAM MENINGKAT IMEJ PERPUSTAKAAN

Perkembangan teknologi maklumat yang pesat dalam dekad ini telah mencabar peranan dan kepentingan perpustakaan dalam pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di institusi pengajian tinggi. Peningkatan bilangan para penyelidik yang celik literasi maklumat membolehkan golongan ini mencari bahan secara berdikari. Implikasinya adalah peranan perpustakaan serta pustakawan semakin terpinggir.

Koh Ai Peng

Bagaimana kita dapat meningkatkan serta membuktikan kerelevanan perpustakaan dan pustakawan dalam proses pengajian dan penyelidikan pengguna kita? Di antaranya ialah:

- a. penglibatan dan penggunaan sosial media yang popular untuk berkomunikasi dengan pengguna *Gen Y*,
- b. pendidikan penggunaan sumber maklumat menerusi kelas dan sesi kemahiran maklumat,
- c. pendidikan penggunaan perisian penyelidikan seperti EndNote, Turnitin,
- d. menjalankan roadshow perpustakaan di fakulti, dan
- e. pembangunan repositori institusi.

Peranan perpustakaan dalam membantu pengurusan dan pemantauan penerbitan universiti merupakan satu perkembangan yang menggalakkan. Dengan itu, perpustakaan menjadi perujuk dan pemberi bimbingan bagi para pensyarah serta penyelidik dalam isu berkaitan dengan penerbitan dalam jurnal berindeks, faktor impak jurnal, pengiraan sitasi, *h-index* dan sebagainya. Kepakaran dan kelebihan pustakawan dalam bidang bibliometrik menonjol kerelevanan peranan pustakawan dalam proses penyelidikan mereka. Selain dari penjalinan hubungan dengan staf akademik dan penyelidik, hubungan Perpustakaan dengan pengurusan Universiti dan Bahagian Sumber Manusia juga meningkat. Pihak Perpustakaan sentiasa dijemput untuk menyertai mesyuarat dan memberi input perihal pengurusan dan penetapan prestasi penerbitan Universiti.

KESIMPULAN

Persekitaran pendidikan sentiasa berubah dan berkembang dengan pesat. Perpustakaan perlu menyesuaikan diri serta berkembang sejajar dengan keperluan semasa. Bidang pengkhususan dan kepakaran pustakawan juga perlu ditingkatkan supaya berkompentensi untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih bersifat *value-added*. Jalinan hubungan rapat dengan jabatan, universiti, fakulti dan pengguna menunjukkan kerelevanan perpustakaan dalam perkembangan universiti. Sumbangan Perpustakaan UM dalam usaha menyediakan sumber sehenti penerbitan menerusi UMExpert merupakan salah satu kerjasama menuju ke arah tersebut. Dengan ini, profesion pustakawan dipandang tinggi dan dihormati oleh komuniti universiti.

Pustakawan perlu sentiasa melengkapkan diri, meningkatkan daya saing, menonjolkan kelebihan yang terdapat pada profesion kita - "*Stay relevant, stay competitive*"